



PENGAMATAN

(Dari Mendengar kepada Tindakan)

Kembali kepada Kumpulan besar

Setiap kumpulan kecil dijemput untuk berkongsi secara ringkas perspektif “Kita”, dengan memberi tumpuan kepada apa yang mereka rasakan Roh Kudus sedang mengundang mereka untuk lakukan.

Bersama-sama sebagai sebuah KED, kenal pasti satu “Langkah Tindakan” yang mudah supaya Sabda Tuhan dapat berakar dalam kehidupan seharian.

Sebagai contoh:

- Sebagai individu, saya mahu lebih menghargai kurnia dan bakat yang telah Tuhan berikan kepada saya.
- Sebagai KED, kita mahu saling mengakui dan menggalakkan satu sama lain untuk menggunakan kurnia kita agar bertumbuh dalam iman dan dalam pelayanan kepada sesama.

Doa Permohonan

Fasilitator mengajak semua untuk menyuarakan intensi-intensi ringkas, contohnya:

“Tuhan, bantulah saya untuk bermurah hati dalam berkongsi kurnia dan bakat saya demi membangun Kerajaan-Mu.”

Sahutan: “Tuhan, dengarkanlah doa kami.”

Lagu Penutup:

Mana-mana lagu yang sesuai boleh dinyanyikan atau dimainkan.

Doa Penutup:

Bapa Syurgawi, kami bersyukur kepada-Mu atas kurnia dan bakat unik yang telah Engkau berikan dengan penuh kasih kepada setiap daripada kami. Bantulah kami untuk mengenali berkat-berkat ini dengan hati yang penuh syukur, dan menggunakannya dengan setia dalam kehidupan harian kami. Bimbinglah kami untuk melayani sesama dengan rendah hati, murah hati, dan penuh kasih. Semoga segala yang kami lakukan mencerminkan kebaikan-Mu dan membawa harapan bagi orang-orang di sekeliling kami. Amin.

KED Renungan

BERJALAN BERSAMA KE ARAH SEBUAH GEREJA SINODAL DAN PROFETIK

Umat Untuk Pemuridan Misionari

FOKUS BULANAN DAN RASIONAL: GEREJA: MENGHIDUPI SINODALITI

Panggilan Gereja pada hari ini, seperti yang sentiasa ditekankan oleh Paus Fransiskus, ialah untuk menemukan semula dan menghidupi semangat sinodaliti, iaitu satu cara menjadi Gereja yang berakar dalam persekutuan, penyertaan, dan misi. Sinodaliti bukan sekadar satu proses atau peristiwa, tetapi satu pengalaman hidup berjalan bersama sebagai Umat Allah, dengan peka terhadap suara Roh Kudus dan satu sama lain. Dalam dunia yang ditandai oleh perpecahan dan sikap mementingkan diri, Gereja diundang untuk menjadi saksi hidup perpaduan, di mana setiap anggota—lelaki dan wanita, umat awam, golongan hidup bakti, pelayan tertahbis, dan calon untuk pelayanan tertahbis — mempunyai peranan dalam mempertimbangkan kehendak Allah.



MENEMUKAN

Lagu Pembukaan

Satu Tubuh Kita

Satu Tubuh kita,
meski banyak anggota:
hitam, putih, kuning dan merah,
miskin, kaya, tinggi dan hina,
Satu Tubuh kita
dalam Yesus Kristus!
Satu Tubuh kita dalam
Yesus Kristus!

Satu Tubuh kita,
meski banyak anggota:
satu sakit, sakit semua,
satu mulia, mulia semua:
Satu Tubuh kita
dalam Yesus Kristus!
Satu Tubuh kita dalam
Yesus Kristus!

Doa Pembukaan

Tuhan yang terkasih,
kami datang kepada-Mu pada
hari ini dan menyerahkan hati
kami kepada-Mu.
Bantulah kami untuk mendengar,
bekerjasama, dan bersatu hati
dengan-Mu serta dengan sesama.
Ilhamilah kami dan gunakanlah
kami sebagai alat kasih-Mu.

Semua ini kami mohon
melalui Kristus, Tuhan kami.
Amin.

Laluan Pastoral

Santo Petrus Krisologus mengingatkan kita bahawa, "Jika kamu tidak menutup telingamu terhadap orang lain, kamu membuka telinga Tuhan terhadap dirimu sendiri."

Pandangan ini sangat selari dengan seruan Paus Fransiskus agar Gereja menghidupi sinodaliti, bukan sebagai satu konsep, tetapi sebagai cara hidup. Gereja sinodal bermula dengan mendengar, iaitu mendengar Tuhan, dan mendengar satu sama lain dengan kerendahan hati serta keterbukaan. Hal ini menuntut kita untuk melangkaui sikap merasa diri benar dan agenda peribadi, serta menyediakan ruang dalam hati kita untuk pertimbangan bersama dalam komuniti.

Menghidupi sinodaliti bererti menyedari bahawa Roh Kudus berbicara melalui setiap anggota Tubuh Kristus. Dalam mengamalkan pertimbangan bersama dalam komuniti, kita berjalan bersama, mencari bukan kehendak peribadi, tetapi kehendak Allah demi kebaikan semua. Hal ini memanggil kita untuk membina budaya mendengar dan bekerjasama yang tulen, di mana dialog ditandai oleh rasa hormat, kesabaran, dan kepercayaan.

Setiap daripada kita, yang dikurniakan anugerah secara unik oleh Tuhan, diundang untuk menyumbang kepada kehidupan Gereja. Apabila kita mempersembahkan kurnia kita dalam pelayanan, kita menjadi alat kasih dan belas kasihan Tuhan, yang menguatkan komuniti dan memupuk perpaduan. Dalam perjalanan bersama ini, tindakan kita tidak terpisah-pisah, tetapi menjadi sebahagian daripada misi yang lebih besar, iaitu membangunkan Gereja sebagai tanda persekutuan, penyertaan, dan misi yang hidup di dunia.

KITAB SUCI

Efesus 4:11-12

Dan lalah yang memberikan baik rasul-rasul maupun nabi-nabi, baik pemberita-pemberita Injil maupun gembala-gembala dan pengajar-pengajar, untuk memperlengkapi orang-orang kudus bagi pekerjaan pelayanan, bagi pembangunan tubuh Kristus

Berhentilah sejenak dalam keheningan doa untuk merenungkan petikan Kitab Suci di atas dan mengenal pasti kurnia serta bakat anda.

BERDIALOG

(Perbualan dalam Roh)

Bentuk kumpulan kecil yang terdiri daripada 4 hingga 6 orang. Ikuti tiga pusingan perkongsian. Kekalkan satu minit hening antara setiap perkongsian.

Pusingan 1 – Perspektif "Saya" (Datang dengan persediaan daripada masa hening. Semua dijemput untuk berkongsi, tetapi hanya sekali dan tidak melebihi dua minit. Tiada ulasan terhadap perkongsian orang lain.)

- Dalam cara apakah Roh Kudus menggerakkan saya untuk menggunakan kurnia dan bakat saya demi kebaikan Gereja dan komuniti yang lebih luas?

(Ucapkan terima kasih kepada setiap orang selepas mereka berkongsi dan berhening selama 1 minit sebelum orang seterusnya meneruskan.)

Pusingan – Perspektif "Saya dan Anda"

(Kini para peserta dijemput untuk memberi respons terhadap perkongsian orang lain. Setiap orang berkongsi sekali dengan merujuk kepada sesuatu yang didengarnya daripada ahli yang lain.)

Setelah mendengarkan dari orang lain:

- Apakah yang paling menyentuh hati anda? Apakah yang mencabar anda? Apakah yang memberi inspirasi kepada anda?

(Ucapkan terima kasih kepada setiap orang selepas mereka berkongsi dan berhening selama 1 minit sebelum orang seterusnya meneruskan.)

Pusingan 3 – Perspektif "Kita" (Kini fasilitator atau ketua mengajak semua untuk mencapai satu kesepakatan bersama berdasarkan perkongsian yang telah didengar)

Apa yang sedang disampaikan oleh Roh Kudus kepada kita tentang menghidupi sinodaliti melalui penggunaan kurnia dan bakat kita?

(Ucap terima kasih kepada setiap orang selepas perkongsian mereka dan perhatikan 1 minit hening sebelum orang seterusnya meneruskan)